

# Bersyukur terima sumbangan

Ibu empat anak anggap bantuan Gold Coast Morib rezeki tak terduga untuk ringankan beban keluarganya

**MORIB** - "Makcik tak sangka ada pusat peranginan panggil makcik sebab anak makcik dapat bantuan sempena kempen derma darah," kata Maimunah Hisham, 50.

Maimunah menerima sumbangan daripada Gold Coast Morib sempena Majlis Sumbangan Amal dan Kempen Derma Darah dengan kerjasama Pusat Darah Kuala Lumpur, semalam.

Katanya kepada *Sinar Harian*, dia belum pernah menerima sebarang bantuan daripada mana-mana pusat peranginan dan menganggap sumbangan itu rezeki tidak terduga.

Katanya, sumbangan itu akan digunakan sebaiknya untuk memenuhi keperluannya bulan ini dan sedikit sebanyak meringankan beban keluarga.

"Makcik ada empat anak dan semuanya masih bersekolah... jadi sumbangan makanan dan angpau ini memang sangat-sangat diperlukan.

"Bila dapat sumbangan ni, sedikit sebanyak kos perbelanjaan bulan ni



Alex Tan menyampaikan bantuan kepada seorang pelajar sekolah.

makcik dapat dikurangkan,"katanya.

Pengurus Besar Gold Coast Morib, Subramaniam Padiah berkata, seramai 400 penerima dalam kalangan ibu tunggal, miskin, anak yatim dan

orang tua dipilih menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Beliau berkata, sumbangan disalurkan kepada mereka yang benar-benar memerlukan.

Katanya, sehingga kini pihaknya sentiasa menitikberatkan kebajikan masyarakat setempat menerusi penyaluran bantuan dan sumbangan.

"Bantuan yang disalurkan tan-

pa mengira bangsa dan perayaan ini mendapat sambutan pelbagai pihak, termasuk jabatan kerajaan dan syarikat swasta sebagai tanda sokongan.

"Malah, inisiatif ini diharapkan dapat memberi impak kepada semua penduduk dan penerima sumbangan dalam membuktikan keprihatinan kami kepada masyarakat," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan, Alex Tan berkata, mana-mana badan kebajikan yang ingin beriadah dan menikmati suasana tempat peranginan boleh mendapat tawaran harga istimewa di Gold Coast Morib.

"Kami boleh membuat rundingan harga paling istimewa dengan mana-mana badan kebajikan yang berhasrat mendapatkan perkhidmatan di sini.

"Saya yakin kerjasama pengurusan dengan pelanggan membantu meningkatkan hubungan setempat selain membuktikan kami prihatin.

"Aktiviti tahunan ini juga memberi peluang lebih ramai pihak berkongsi keuntungan syarikat kami," katanya.



# Orang Besar Daerah tinjau kawasan

**BANDAR SAUJANA PUTRA** - Lawatan Kerja Orang Besar Daerah Kuala Langat, Tengku Mohamed Tengku Harun ke Pejabat Cawangan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) di Bandar Saujana Putra disambut baik semua kakitangannya.

Kunjungan pertama Tengku Mohamed sebagai Ahli Majlis, MDKL yang baharu itu bagi meninjau beberapa kawasan dan melihat

permasalahan yang ada untuk penyelesaian bersama.

Selain itu, beberapa wakil pegawai turut memberi penerangan mengenai kawasan seliaan dan operasi MDKL di kawasan itu bagi memudahkan pelbagai aktiviti dijalankan.

Turut sama menyambut ketibaan Tengku Mohamed, Setiausaha MDKL, Mohd Yasin Alwi.



# JKKK komited siap siaga acara rentas desa negeri

**KAMPUNG ENDAH** - Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Endah komited dengan acara merentas desa negeri Selangor di kampung berkenaan minggu ini.

Ketua kampung, Hamzah Bohari berkata, acara itu bakal menjadi tumpuan pelbagai pihak untuk melihat sendiri keindahan kampung berkenaan.

"Jadi, saya sendiri ajak seluruh warga Kampung Endah sama-sama bergotong-royong bersihkan persekitaran kampung.

"Kita pastikan dahan pokok yang mengganggu laluan merentas desa dipangkas untuk keselamatan pelajar.

"Selain isu keselamatan peserta merentas desa, kita juga mahu kampung kita bersih," katanya pada program gotong-royong sempena Sukan Merentas Desa Peringkat Negeri Selangor di Jalan Jering, Kampung Endah.

Menurutnya, pro-

gram yang diadakan 3 dan 4 Februari itu menjadi titik tolak kepada penduduk di sini untuk memastikan kawasan rumah mereka terus ceria.

"Banyak manfaat kepada penduduk bila pelbagai acara dianjurkan di sini, dah tentu ramai yang datang.

"Kita dapat ketengahkan pelbagai produk yang ada di kampung ini di samping memberikan sokongan dalam acara itu.

"Malah, penduduk juga tentu seronok bila tengok anak-anak itu nanti merentas jalan depan rumah," katanya.



Sebahagian penduduk yang turut serta dalam gotong-royong di Kampung Endah, semalam.